

**Isu 1MDB ada dalam agenda PAC, kata Nur Jazlan  
Malaysian Insider  
June 19, 2014  
Oleh Mohd Farhan Darwis**

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) tidak pernah cuba menutup sebarang isu mengenai syarikat milik penuh kerajaan, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) daripada dibincangkan dalam jawatankuasa berkenaan.

Pengerusinya, Datuk Nur Jazlan Mohamed bagaimanapun berkata, perkara berkenaan perlu dibincang dan mendapat persetujuan kalangan ahli-ahlinya sebelum PAC boleh memanggil pihak pengurusan 1MDB untuk memberi keterangan kepada jawatankuasa tersebut.

"1MDB sentiasa ada dalam agenda PAC, malah kita pernah membincangkannya di kalangan ahli.

"Namun, tiada keputusan lagi sama ada PAC mahu memanggil pihak pengurusan syarikat berkenaan," kata Nur Jazlan semasa sidang media di Parlimen hari ini.

Ahli Parlimen Pulaui itu berkata, hal itu kerana PAC kini memberikan fokus utama kepada isu yang dibangkitkan Laporan Ketua Audit Negara.

Akhbar The Edge Review sebelum ini melaporkan 1MDB, yang mempunyai kepentingan dalam perniagaan janakuasa dan hartanah sebelum ini dikaitkan dengan isu kelewatan menyerahkan laporan kewangan tahunan mereka.

Syarikat itu hanya menyerahkan laporan yang tamat pada Mac 2013 pada April tahun ini. – 19 Jun, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/isu-1mdb-ada-dalam-agenda-pac-kata-nur-jazlan>